



Headline	Universiti Peladang ditubuh tahun depan		
MediaTitle	Utusan Online(www.utusan.com.my)		
Date	09 Jul 2013	Color	Full Color
Section	NEWS	Circulation	300
Page No	11	Readership	8
Language	Malay	ArticleSize	0 cm²
Journalist	N/A	AdValue	RM 620
Frequency	Daily	PR Value	RM 1,860

Universiti Peladang ditubuh tahun depan

[Link: http://c.moreover.com/click/here.pl?z9251119849&z=1600249473](http://c.moreover.com/click/here.pl?z9251119849&z=1600249473)

KUALA TERENGGANU 9 Julai - Pertubuhan Peladang Kebangsaan (Nafas) mengadakan kerjasama dengan Universiti Kuala Lumpur (UniKL) dalam usaha mewujudkan Universiti Peladang di negara ini. Pengerusi Nafas, Datuk Seri Saipolbahari Suib berkata, kampus pertama Universiti Peladang itu akan diadakan di Sungai Petani, Kedah pada awal tahun depan. "Insya-Allah pengambilan peringkat pertama pelajar untuk kursus diploma akan kita buat pada Januari 2014," katanya kepada pemberita di sini. Bagaimanapun, jumlah pelajar yang akan diambil untuk peringkat pertama itu belum dipastikan setakat ini. Saipolbahari berkata, Universiti Peladang itu akan mempunyai kampus induknya sendiri iaitu di Bakri, Muar, setelah universiti itu berjalan dengan baik nanti. Beliau berkata fokus Universiti Peladang masa depan akan menambahkan kursus-kursus seperti dalam bidang kedoktoran, arkitek, jurutera dan lain-lain. - BERNAMA